

KHAMIS • 05.04.2018

ekonomi@utusan.com.my

UTUSANBIZ

Unit Berita Ekonomi

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
E-mel: ekonomi@utusan.com.my
Twitter: @utusanbiz
Laman web: www.utusan.com.my



Malaysia perlu 3.2 juta rumah

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 APRIL

PERSATUAN Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) berpendapat Malaysia mengalami kekurangan hartanah mampu milik sebanyak 3.2 juta rumah bagi menampung keperluan populasi rakyat yang mencecah 33 juta pada 2018.

Presidennya, Datuk Seri FD Iskandar FD Mansor berkata, data perangkaan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (NAPIC) menunjukkan populasi rakyat Malaysia yang kini mencecah 33 juta pada 2018 dan jika secara purata seunit rumah didiami oleh

empat orang, ia memerlukan sekurang-kurangnya 8.2 juta rumah.

Katanya, melihat kepada situasi sekarang, jumlah rumah mampu milik setakat ini adalah lima juta sahaja yang mana sebanyak empat juta dibina oleh pemaju swasta dan selebihnya oleh kerajaan.

"Oleh itu, kita masih kekurangan lebih kurang tiga juta untuk menampung keperluan hartanah mampu milik ini," katanya dalam sidang akhbar Kaji Selidik Pasaran Hartanah 2017 di sini hari ini.



FD ISKANDAR

Dalam pada itu, REHDA katanya, tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meminta pemaju menghentikan pembinaan projek hartanah komersial yang kini berdepan masalah lebih bekalan.

Beliau berkata, bagaimanapun, apa yang boleh dilakukan badan tersebut ialah meminta para pemaju supaya membuat kajian mendalam sebelum membuat sebarang pembinaan.

Katanya, ini kerana pemaju juga mempunyai komitmen pinjaman yang perlu dibayar kepada bank dan jika mereka tidak fokus

dalam pembinaan segmen tersebut, ia akan menyebabkan pema-juan berdepan pelbagai masalah.

"Ya, saya setuju dengan laporan Bank Negara Malaysia (BNM) yang kita berdepan lebih bekalan yang serius. Tetapi rumah kedai dan kedai pejabat (shop office) masih lagi mendapati permintaan.

Minggu lalu, BNM dalam Laporan Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan Pada 2017 menunjukkan risiko dalam segmen tersebut masih tinggi dengan jangkaan 3.53 juta meter persegi ruang pejabat baharu akan memasuki pasaran dengan 140 buah kompleks beli-belah baharu dibina di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor

menjelang 2021.

Keadaan tersebut akan menjadikan kadar kekosongan bagi ruang pejabat mencapai paras tertinggi sehingga 32 peratus dalam tempoh tiga tahun lagi, malah melebihi paras dicatatkan ketika Malaysia berdepan krisis kewangan Asia iaitu 5.1 peratus pada 1997 dan 25.3 peratus (2001).

Berdasarkan laporan kaji selidik yang dibentangkan REHDA, ia mendapati sebanyak 128 rumah kedai dilancarkan tahun lalu berharga RM2.5 juta keatas dengan kebanyakannya di Johor (Ulu Tiram, Johor Bahru dan Pasir Gudang) manakala 16 kedai pejabat pula tertumpu di Shah Alam, Selangor.

KUALA LUMPUR
(Indeks Komposit)
(-34.84) mata
1,815.94

SINGAPURA
(Straits Times)
(-72.45) mata
3,339.70

TOKYO
Nikkei
(+27.26) mata
21,319.55

NEW YORK
Dow Jones
(+389.17) mata
24,033.36

TUKARAN MATA
WANG ASING
04.04.2018

USA DOLAR
3.8660/8690

UK POUND
5.4414/4472

EURO
4.7513/7554

SAUDI RIYAL (100)
103.0851/1678

JAPAN YEN
3.6400/6435

AUSTRALIA DOLAR
2.9435/9465

INDONESIA RUPIAH (100)
0.0281/0281